

Headline	Peralihan kerajaan cerminkan amalan demokrasi matang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 May 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	44	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	821 cm ²
Journalist	NOR IDAYUBOSRO	AdValue	RM 21,388
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,164



Peralihan kerajaan cerminkan amalan demokrasi matang



Oleh NOR IDAYUBOSRO

PADA 9 Mei lalu, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) berlangsung dengan menyaksikan penguasaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah negara selama 61 tahun sejak negara memperoleh kemerdekaan pada 1957 kecondang kepada gabungan pembangkang yang memenangi 113 daripada 222 kerusi Parlimen.

Dengan jolokan sebagai Bapa Segala Pilihan Raya, PRU-14 pasti memberi pengalaman berbeza kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang antara lain berperanan mengurus, menyelaras dan menyelia perjalanan amalan demokrasi itu.

Wartawan *Jurnal* berkongsi pandangan Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd. Hashim Abdullah yang berpengalaman mengendalikan pilihan raya umum (PRU) dan pilihan raya kecil (PRK) di negara ini.

JURNAL: Bagaimana Tan Sri melihat perjalanan proses PRU-14 di seluruh negara?

MOHD. HASHIM: Saya melihat perjalanan PRU-14 berjalan lancar. Ramai pengundi memilih untuk keluar awal pagi dan tidak dinafikan berlaku kesesakan di beberapa pusat mengundi seperti yang dilaporkan media massa.

Ini berikutan pengundi keluar serentak dalam satu masa kerana dipercayai terpengaruh dengan mesej tular yang menggesa pengundi keluar awal supaya tidak ada orang lain mengundi menggunakan nama mereka. Saya percaya mesej tular tersebut cuba untuk menimbulkan situasi panik dan curiga dalam kalangan pengundi terhadap SPR. Bagaimanapun, proses mengundi berjalan lancar secara keseluruhannya.

Pada PRU-14 baru-baru ini, SPR berdepan tekanan antaranya kerana didakwa melengah-lengahkan keputusan rasmi PRU-14. Apa komen Tan Sri?

MOHD. HASHIM: Pihak SPR tiada niat untuk cuba berselindung atau melewatkan pengumuman keputusan rasmi PRU-14. Apa yang



Mohd. Hashim

- Berusia 64 tahun
- Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Oktober 1954
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Asia Tenggara daripada Universiti Malaya dan Sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia
- Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Pengarah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1980 dan pernah menjawat jawatan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Beliau bersara wajib pada 31 Ogos 2014 sebelum dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPR pada 5 September 2014
- Pada 24 Januari 2016, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi SPR menggantikan Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof

“Dengan tertubuhnya kerajaan baharu yang mendapat mandat rakyat serta diterajui oleh PKR, saya berpendapat, ia memperlihatkan bahawa pilihan raya dijalankan secara telus dan adil selain menyaksikan amalan demokrasi matang terus subur dan terpelihara di negara ini

tular di luar sana mungkin adalah keputusan tidak rasmi yang diterima daripada ejen-ejen parti yang bertugas di dalam tempat mengundi. Tetapi, bagi SPR penting untuk kami menyebarkan keputusan rasmi yang telah disahkan. Jadi kita memang tidak ada apa-apa muslihat di sebalik kelewatan tersebut.

Selain itu, perlu diingat ia melalui beberapa aliran seperti proses pengiraan dan penjumlahan undi, semakan semula jika terdapat keraguan dan sebagainya sebelum pengumuman keputusan untuk menentukan pemenangnya dibuat kepada khalayak.

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab mengendali, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini melalui pilihan raya yang bebas dan adil, ia bererti segala keputusan yang

dikeluarkan SPR adalah keputusan rasmi.

SPR meletakkan sasaran jumlah pengundi yang keluar mengundi adalah sebanyak 85 peratus, namun angka tersebut tidak dapat dicapai. Boleh Tan Sri jelaskan antara sebab berlaku sedemikian?

MOHD. HASHIM: Sebelum ini, SPR memaklumkan bahawa jumlah peratusan keluar mengundi adalah 76 peratus. Sebagai makluman, jumlah sebenar peratusan pengundi yang keluar menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih pada PRU-14 lalu adalah 82.32 peratus atau 12,299,514 orang daripada keseluruhan pemilih berdaftar iaitu 14,940,624 orang. Berkenaan isu pengundi yang tidak sempat mengundi walaupun pergi ke lokasi pembuangan undi lebih

awal, kita akan meneliti perkara tersebut dan buat *post-mortem* untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Lagipun, bukan semua tempat berdepan dengan masalah tersebut kerana sebahagian besar negeri selesai mengundi pada pukul 5 petang seperti ditetapkan SPR, cuma ada beberapa tempat sahaja yang ramai orang, jadi ia tidak mengurangkan legitimasi pilihan raya.

Ada beberapa sejarah menarik yang tercipta pada PRU-14 antaranya BN yang memerintah lebih 60 tahun tumbang kepada pembangkang dan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengulangi sejarah menjadi Perdana Menteri ketujuh selepas menyandang portfolio tersebut daripada tahun 1981 hingga 2003. Jadi, sepanjangan Tan Sri berkhidmat dengan SPR, bagaimana Tan Sri melihat peristiwa bersejarah ini?

MOHD. HASHIM: Saya melihat proses peralihan kerajaan yang berlaku adalah secara aman dan teratur. Dengan tertubuhnya kerajaan baharu yang mendapat mandat rakyat serta diterajui oleh PKR, saya berpendapat, ia memperlihatkan bahawa pilihan raya dijalankan secara telus dan adil selain menyaksikan amalan demokrasi matang terus subur dan terpelihara di negara ini. Walaupun dilemparkan dengan pelbagai tohmahan, SPR tetap berpegang sebagai sebuah badan bebas yang berkecuali dalam memastikan amalan demokrasi kekal terpelihara. Di sini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Tun Dr. Mahathir yang dilantik bagi memimpin dan mentadbir Kerajaan Persekutuan. Tahniah juga diucapkan kepada semua kerajaan Negeri yang telah menerima mandat rakyat untuk memerintah dan mentadbir negeri masing-masing.

Meskipun PRU-14 sudah berlangsung namun masih ada pihak mendakwa amalan demokrasi itu tidak dijalankan secara telus? Apa komen Tan Sri?

MOHD. HASHIM: Di sini saya ingin memaklumkan bahawa SPR telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan telus, adil dan saksama dalam mengendalikan proses PRU-14 sebagaimana yang telah diamankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V.